

02 JUL 1998

Mahathir-kronisme

PERDANA MENTERI ULANGI TIDAK WUJUD KRONISME DALAM KERAJAAN

ALOR SETAR, 2 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini sekali lagi berkata bahawa tidak wujud amalan nepotisme dan kronisme dalam pemerintahan kerajaan.

Katanya isu itu hanyalah digunakan oleh pihak-pihak tertentu untuk menjatuhkan kepimpinan kerajaan sekarang untuk kepentingan mereka.

"Tuduhan itu asalnya dibuat oleh media asing, tetapi ada orang dalam Umno yang menyambut tuduhan itu kerana kepentingan diri dan nampak ada peluang untuk majukan diri sendiri dengan gunakan isu itu," katanya ketika berucap pada majlis perhimpunan bersama rakyat di Wisma Darul Aman di sini.

Lebih 5,000 orang termasuk Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman serta pemimpin Barisan Nasional (BN) negeri menghadiri perhimpunan itu.

Dr Mahathir berkata tuduhan itu dibuat secara melulu tanpa dikaji hakikat yang sebenarnya.

"Kita bukan jadi pemimpin untuk memperkayakan anak sendiri ataupun kawan-kawan," katanya.

Dr Mahathir memberi contoh pembangunan di Langkawi dengan berkata, "kalau pemimpin hendak utamakan kepentingan sendiri, sebelum Langkawi diisytiharkan sebagai Pulau Bebas Cukai, saya akan membeli tanah beratus hektar dengan harga yang murah dan selepas itu jual dengan harga berkali ganda.

"Tetapi kerajaan melakukan perkara itu dan pembangunan di tempat lain secara senyap-senyap."

Katanya, beliau boleh menjadikan anak-anak dan kawan-kawannya kaya raya melalui projek pembangunan yang dijalankan oleh kerajaan sekiranya beliau mahu berbuat demikian.

Sehubungan itu, beliau mencabar golongan yang melemparkan tuduhan itu supaya memeriksa rekod sama ada kawan-kawan atau anak-anaknya mendapat faedah hasil daripada kedudukan beliau sebagai Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata beliau dukacita dengan tindakan golongan yang membuat tuduhan itu kerana mereka hanya memajukan hasrat orang yang ingin menakluki negara ini apabila kepimpinan kerajaan menjadi lemah akibat perpecahan dalam parti pemerintah.

"Golongan itu mungkin secara sedar atau tidak sedar mereka telah dijadikan alat oleh pihak luar," katanya.

Beliau berkata, perbuatan golongan itu akan menyebabkan perpecahan dan melemahkan Umno serta kerajaan BN mengakibatkan kerajaan tidak berdaya untuk melawan serangan terhadap ekonomi negara.

"Kita sedang menghadapi tekanan yang cukup berat berbanding masalah kemelesetan ekonomi pada tahun 1985," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau dan pemimpin kerajaan yang lain sentiasa "memerah otak" mencari jalan menyelesaikan masalah ekonomi dan dalam hal ini, rakyat perlu bersatu padu dan memberikan sokongan kepada usaha kerajaan.

Beliau juga berkata, tuduhan-tuduhan yang dilemparkan itu merupakan satu cara untuk menyerang dan memecah belahkan Umno serta menimbulkan rasa marah rakyat kepada pemimpin kerajaan.

Katanya, selama ini kerajaan mempunyai pertubuhan politik yang kukuh sehingga pihak luar sukar untuk memecah belahkan perpaduan di dalam Umno dan BN.

Dr Mahathir meminta rakyat supaya menjaga maruah serta mempertahankan

kedudukan negara.

-- BERNAMA

SA MZM MAI